

SOALAN NO: 481

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: PUAN TERESA KOK SUH SIM

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pelajar *Masterweld Academy* yang berjaya mendapat pinjaman PTPK pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Nyatakan berapa di antara pemohon PTPK di *Masterweld Academy* berjaya mendapat sijil pengimpalan pada tahun 2015, 2016 dan 2017.

PR-1361-T02031

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, secara keseluruhannya Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah meluluskan pembiayaan pinjaman latihan kemahiran kepada 866 orang pelatih yang mengikuti program kimpalan di PL *Masterweld Academy* Sdn. Bhd. bagi tahun 2015, 2016 dan 2017.

2. Maklumat terperinci kelulusan pembiayaan pinjaman latihan kemahiran ini kepada pelatih yang mengikuti latihan kemahiran bagi program kimpalan di bawah Penyedia Latihan (PL) *Masterweld Academy* Sdn. Bhd. pada tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:-

Tahun	Bil. Pelatih (Orang)
2015	348
2016	318
2017	200
Jumlah	866

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, penganugerahan atau pemberian sijil kepada pelatih akan dibuat sekiranya pelatih telah berjaya menamatkan latihan kemahiran yang diikuti dan menjalani Penilaian Pengesahan Luaran (PPL) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK),

4. Berdasarkan kepada rekod semasa di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), bagi tahun 2015, seramai 279 orang pelatih di bawah pinjaman PTPK telah mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) manakala seramai 69 orang pelatih tidak menamatkan latihan atau tidak meneruskan latihan.

5. Pada tahun 2016, seramai 35 orang pelatih telah menamatkan pengajian dan mendapat sijil SKM. Seramai 225 orang pelatih berjaya menamatkan pengajian dan dalam proses pemberian atau pengeluaran sijil oleh pihak PL. Terdapat sejumlah 49 orang pelatih pula akan menamatkan latihan pada tahun 2018. Berdasarkan rekod PTPK, 9 orang pelatih tidak menamatkan latihan disebabkan berhenti atau tidak meneruskan latihan.

6. Bagi Pelatih yang memulakan latihan pada tahun 2017, masih belum ada pelatih yang dianugerahkan sijil SKM kerana pelatih masih lagi belum menamatkan latihan kemahiran mereka di PL ini. Berdasarkan rekod PTPK, seramai 200 orang pelatih berdaftar sedang menjalani latihan di PL ini sejak tahun 2017 dan dijangka akan menamatkan latihan pada tahun 2019.